

Hati-hati perangkap cinta siber

SEKITAR tahun 70-an lalu, telefon bimbit dianggap barangan mewah yang hanya boleh dimiliki oleh individu tertentu sahaja.

Namun kini, selari dengan perubahan semasa, gajet itu menjadi satu keperluan. Tidak hairanlah alat komunikasi itu menjadi antara alat penghubung untuk bercinta.

Hari ini ramai orang berkenalan melalui laman sosial seperti Facebook dan setelah mendapat nombor telefon, mereka mula menggunakan WhatsApp kerana lebih mudah berhubung.

Hari ini orang meletak perbagai maklumat dalam Facebook termasuk koleksi gambar dan menerusi maklumat tersebut ramai yang berkenalan. Perkenalan di alam maya ini dilihat sangat pelik kerana kebanyakan pasangan tidak mengenali antara satu sama lain dan jarang berkomunikasi secara lisan sebaliknya hanya dalam talian.

Dalam percintaan seperti ini ramai wanita di Malaysia terpedaya dengan kelembutan bahasa diguna dan pelbagai janji manis yang dinyatakan. Sehingga ramai yang terpedaya dan sanggup mengadakan 'hubungan seksual secara alam maya'.

Apa yang berlaku ialah pasangan bertukar-tukar mesej antara satu sama lain sehingga melahirkan rasa cinta. Pihak lelaki yang mengutus mesej biasanya pandai menyusun ayat cinta sehingga mangsa merasa sangat dihargai dan disayangi.

Dalam bahasa orang muda hari ini, lelaki yang bercinta melalui mesej dan dalam talian pandai 'mengayat'. Tidak dinafikan bukan tiada keikhlasan yang diakhiri dengan perkahwinan, tetapi kebanyakan perkenalan dalam talian adalah sindiket penipuan yang memperdaya wanita.

Perkenalan awal biasanya hanya bertukar pandangan mengenai perkara intelektual kerana kebanyakan anak

fiqh munakahat



Bersama PROF. DATUK NOOR AZIAH MOHD. AWAL

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, **UKM** serta Profesor Undang-Undang Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, **UKM** & Pengerusi Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia, (Yadim). Boleh dihubungi di naha61@gmail.com

gadis yang terpedaya bukan yang tidak berpendidikan tetapi ramai yang berijazah dan berkedudukan tinggi.

TAKTIK LICIK

Ini kerana 'pemangsa' boleh membaca latar belakang mangsa seperti usia, status perkahwinan sama ada bujang, janda atau balu dan sebagainya, maka persahabatan itu nampak seperti ikhlas dan pemangsa mengambil kesempatan menunjukkan bahawa dia juga merupakan 'seseorang'.

Selepas itu mesej pergi ke kotak mesej dengan ayat yang menghiburkan jika mangsa kesunyian tiada berteman. Perjalanan perkenalan dan percintaan memakan masa setahun sebelum pasangan terjun ke alam percintaan yang serius.

Ada kes pemangsa datang ke Malaysia bertemu kekasih hati dengan membawa hadiah mahal. Pada enam bulan pertama tahun kedua, pasangan mula menghantar mesej peribadi sehingga mereka mula menjadi intim dan mengadakan hubungan seks dalam talian.

Mangsa tidak terfikir bahawa lelaki yang dicintai ini akan menipunya maka dia membuka pakaian dan menunjukkan bahagian anggota yang tidak boleh dilihat orang kecuali suami. Pemangsa merakam semua itu dan mangsa biasanya tidak sedar.

Ramai yang beranggapan tiada

siapa yang akan mengetahui perbuatan mereka sebab ia dalam talian dan dilakukan secara tersembunyi. Pada masa itu pemangsa akan memulakan tugasnya untuk memperdaya mangsa. Jika melibatkan dadah, pemangsa akan menghantar barang ke alamat mangsa dan memintanya menguruskan pengambilan barang yang dihantar melalui pos.

Ia kelihatan seperti jualan dalam talian. Selepas kotak sampai, akan ada rakan kongsi pemangsa datang mengambil barang-barang yang dihantar itu.

Pada masa penghantaran kecil-kecilan, pemangsa akan mengatakan bahawa dia baru memulakan perniagaan di Malaysia dan ini akan mempercepat proses mereka untuk berkahwin kerana pemangsa mempunyai aset di negara ini.

Pemangsa masih membuai mangsa dalam alam percintaan dan setiap kali menghantar barang, ada sahaja hadiah istimewa dikirimkan. Ada masa mangsa perlu membuat bayaran untuk menebus kotak yang tiba atas alasan ia adalah cukai.

UGUTAN

Apabila mangsa mengesyaki sesuatu dan mula enggan mengambil barangan yang dihantar kerana perlu mengeluarkan wang sendiri, pemangsa mula mengugut mangsa.

Antara ugutan yang paling ditakuti ialah penyebaran gambar hubungan seks dalam talian yang mereka lakukan dalam Facebook atau dalam laman sosial yang lain. Maka, barulah mangsa tahu dia telah diperdaya. Ada kes mangsa langsung tidak tahu diperalat sehinggalah dia ditangkap.

Dalam satu kes, kekasih dari luar negara ini datang menziarahi mangsa atas alasan rindu. Mereka keluar makan bersama sebelum pergi ke sebuah rumah dan akhirnya polis membuat serbuan.

Mangsa ditangkap dan didakwa kerana terlibat mengedar dadah. Jika kes tidak melibatkan dadah, mangsa diugut dan diminta membayar wang kerana rakaman gambar lucah yang dilakukan semasa bercinta dalam talian.

Hidup mangsa menjadi haru-haru. Dari satu mimpi indah, ia menjadi mimpi ngeri. Jika mangsa masih seorang isteri, ugutan utama ialah menghantar gambar kepada suami. Percintaan dalam talian bukan mustahil diakhiri dengan perkahwinan namun dalam kebanyakan kes, ia adalah skim penipuan yang memperdaya wanita dan gadis.



JANGAN mudah terpedaya dengan pemangsa cinta siber. - GAMBAR HIASAN